



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa kes COVID-19 terkini yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 16/2023; telah **menurun sebanyak 6.4%** (5,149 kes kepada 4,817 kes) berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada ME 15/2023.

Adalah dimaklumkan juga bahawa sehingga kini, 70.97% (18,319 kes) daripada jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 adalah dikategorikan sebagai *Variant of Concern* (VOC) dan *Variant of Interest* (VOI) jenis varian Omicron dan subvariannya. Varian Omicron kekal sebagai satu-satunya varian yang sedang menular pada masa ini.

Sejenis subvarian yang tergolong di bawah famili varian Omicron adalah XBB.1.16 atau Arcturus. Subvarian ini terbentuk hasil gabungan atau rekombinan varian BA.2.10.1 dan BA.2.75. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengelaskan subvarian ini sebagai *Variant of Interest* sejak 17 April 2023. Ini bermakna hasil penilaian risiko Kumpulan Pakar Teknikal Evolusi Virus SARS-CoV-2 WHO telah menilai Subvarian Arcturus sebagai suatu subvarian yang memerlukan perhatian, tetapi tidak

diletakkan dalam kelas Varian di bawah Pemantauan (*Variant Under Monitoring*). Sehingga 2 April 2023, subvarian ini telah dikesan sekurang-kurangnya di 31 buah negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Di Malaysia, sebanyak 12 kes subvarian XBB.1.16 (Arcturus) telah dilaporkan dan **kesemuanya bergejala ringan dan stabil**. Pecahan kes adalah enam (6) di Sarawak, empat (4) di Selangor, dan dua (2) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penilaian risiko peringkat global melaporkan risiko jangkitan dan keterukan kes yang disebabkan oleh subvarian XBB1.16 adalah lebih rendah dari subvarian XBB.1.5 dan varian/subvarian lain yang telah dilaporkan sebelum ini. Walaupun Malaysia telah mengenal pasti varian XBB.1.16 sejak bulan Mac 2023, keadaan jangkitan COVID-19 masih lagi terkawal dan tidak membebankan kapasiti perkhidmatan kesihatan di klinik dan hospital.

Justeru, KKM ingin sekali lagi mengingatkan orang ramai untuk terus mengamalkan TRIIS (*TEST, REPORT, INFORM, ISOLATE & SEEK*) bagi yang bergejala. Sekiranya positif COVID-19, lakukan pengasingan sendiri dengan segera untuk tempoh yang ditetapkan. Mereka yang berisiko tinggi seperti golongan rentan, warga emas, dan kanak-kanak adalah digalakkan memakai pelitup muka apabila berada di kawasan sesak, sempit, dan ramai orang. Masyarakat juga dinasihatkan sentiasa mengamalkan kebersihan sendiri dengan mencuci tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer*. Bagi individu yang belum menerima dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftarkan diri dan mendapatkan vaksin untuk mengekalkan status imuniti dan mencegah daripada jangkitan COVID-19 termasuk varian baharu.

KKM akan terus memantau situasi dan varian/subvarian COVID-19 di

dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesejahteraan rakyat untuk hidup bersama virus COVID-19 dengan selamat.

**DR ZALIHA BT MUSTAFA**  
Menteri Kesihatan Malaysia

24 April 2023